



BPMP Sana Sini

Edisi September 2021


6 HINGGA 9 SEPTEMBER

Bengkel Pembangunan OACP Siri 10

Bengkel Pembangunan OACP Siri 10 telah berlangsung dari 6 hingga 9 September 2021 secara dalam talian. Bengkel dianjurkan oleh Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat (CACCC), MACA.

Seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, Terengganu Incorporated Sdn Bhd dan 5 Anak Syarikatnya iaitu Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad, Golden Pharos Berhad, TDM Berhad, Syarikat Air Terengganu (SATU), dan Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd telah menyertai bengkel ini.

Bengkel dikendalikan oleh PPj Mohd Syahrul Ridzuan bin Yahaya, pegawai dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan (BPMP), SPRM dan dibantu oleh enam (6) orang fasilitator yang terdiri dari pegawai BPMP Ibu Pejabat SPRM dan Pegawai Unit Pemeriksaan dan Perundingan (UPMP) SPRM Negeri.



7 SEPTEMBER

Bengkel CRM sempena ABMS

Pada 7 September 2021 telah diadakan Bengkel Corruption Risk Management (CRM) sempena Kursus Legal Requirement Complementing To MS ISO37001:2016 (ABMS)- For Certification Body. Seramai 34 juruaudit sistem pengurusan dari dalam dan luar negara menyertai bengkel ini. Bengkel CRM ini diketuai oleh P/KPKPj Zakiah Hassan, dibantu oleh PsK Anis Redza dan PsK Yip Ai Tsin dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan, SPRM.



9 SEPTEMBER

Navigating Waves Of Corporate Liability

Pada 9 September 2021, Bar Council Corporate and Commercial Law Committee (CCLC) telah menganjurkan persidangan (conference) bertajuk "Navigating Waves Of Corporate Liability" dengan dihadiri seramai 666 peserta yang terdiri dari ahli-ahli Badan Peguam Malaysia. Persidangan ini berlangsung secara atas talian menggunakan medium Zoom. Moderator dalam persidangan ini adalah Puan Karen Cheah Yee Lynn dari Chooi & Company manakala speakers terdiri dari PPj Mohd Hasraff bin Hashim (BPMP, SPRM), Tn Kwan Will Sen dari Lim Chee Wee Partnership dan Tn Selvaraja Muthaya dari Selvaraja Muthaya & Co.

Persidangan ini dianjur bagi membincangkan tentang hala tuju dan perkembangan dalam bidang undang-undang korporat dan komersial, termasuk Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



9 SEPTEMBER

Taklimat OACP & CRM serta Seksyen 17A ASPRM 2009

Pada 9 September 2021, telah berlangsung Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) (Sesi 1) serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Sesi 2) bertempat di Bilik Mesyuarat Timbalan Pengarah , Aras 14, Blok B, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan.



Taklimat sesi 1: Pelan antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah disampaikan oleh PPj Nor Haliza binti Hassan manakala bagi sesi 2: Seksyen 17A Akta SPRM 2009 telah disampaikan oleh PPj Hj. Celemans bin Kasim.

Seramai 54 peserta telah menghadiri taklimat ini bagi setiap sesi 1 dan sesi 2 yang melibatkan pegawai-pegawai dari 23 jabatan, badan berkanun serta syarikat seperti berikut TH Subsidiary, Lembaga Perlesenan Kenderaan Sabah, Eastern Pasific Industrial Corporation Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Smartsel Sdn Bhd, Yayasan Warisan Anak Selangor, Permodalan Darul Ta'zim, dan lain-lain serta dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM.

Taklimat yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pengenalan dan kefahaman kepada peserta berkaitan dengan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah ini diadakan secara berkala mengikut takwim yang telah diedarkan.

20 HINGGA 23 SEPTEMBER

Bengkel Pembangunan OACP Siri 11

Bengkel Pembangunan OACP Siri 11 telah berlangsung dari 20 hingga 23 September 2021 secara dalam talian. Bengkel dianjurkan oleh Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat (CACCC), MACA.

Seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bernama, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menyertai bengkel ini. Bengkel dikendalikan oleh PPj Ahmad Kamal bin Abdul Rahman, pegawai dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan (BPMP), SPRM dan dibantu oleh lima (5) orang fasilitator yang terdiri dari pegawai BPMP Ibu Pejabat SPRM dan Pegawai Unit Pemeriksaan dan Perundingan (UPMP) SPRM Negeri.



28 SEPTEMBER

Sesi Khidmat Nasihat NAFAS

Pada 28 September 2021 telah diadakan sesi Khidmat Nasihat terhadap amalan, sistem dan tatacara Pengurusan Hartanah, Pengurusan Perolehan Dan Tadbir Urus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Pembentangan oleh Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM diketuai oleh Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan (BPMP) iaitu KPKPj Nazli Rasyid bin Hj. Sulong dan juga dihadiri oleh pegawai BPMP. Manakala pihak NAFAS diwakili oleh Pengurus Besar iaitu Haji Abu Sujak bin Sahuji bersama dengan pegawai NAFAS yang lain. Perbentangan yang dijalankan secara dalam talian itu akhirnya bersetuju dengan 18 syor penambahbaikan yang dicadangkan oleh pihak BPMP kepada NAFAS dengan tempoh pelaksanaan yang dipersetujui selama 12 bulan.

